



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**WACANA WAWANCARA FORMAL BAHASA MELAYU :SATU
KAJIAN ETNOGRAFI KOMUNIKASI**

MD. SABRI BIN CHE MAN.

FBMK 2004 10

**WACANA WAWANCARA FORMAL BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN
ETNOGRAFI KOMUNIKASI**

MD. SABRI BIN CHE MAN

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2004



**WACANA WAWANCARA FORMAL BAHASA MELAYU: SATU KAJIAN
ETNOGRAFI KOMUNIKASI**

Oleh

MD. SABRI BIN CHE MAN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mei 2004



DEDIKASI

Kuabadikan tinta emas untuk semua:-

Arwah ayahku,

dalam zikir suci bibirku sepanjang waktu
agar dingin sejuk persemadianmu
ditemani doa kudusku

Ibuku,

yang sering menghiasi diari hidupku
pengorbananmu tiada hujungnya
kalimah kasih rangkaian rindu
kasihmu sepanjang zaman
tidak terlunas walau dibalut intan seluruh lautan

Isteriku,

kalimah mawaddah wa rahmah untukmu
pengorbananmu dan jasamu saban waktu
terakam indah dalam syurga hatiku
sayu dan pilu bila dihitung satu-satu
kuabadikan cinta luhur kasihmu-kasihku
sepanjang hayatku

Ahli keluargaku,

kuabadikan tinta kasih jutaan ingatan
tidak terlerai dimamah zaman

Putera-puteriku,

Afiq, Adib, Saffiyah, Sakinah, Iqbal, Mirza, Sumayyah ...
kalian pewaris hidupku
kalian penyeri pengubat pilu
ikutlah langkah ayah walau sejuta payah
Insya-Allah, berkahnya ada disisi Allah

Sahabat-sahabat istimewa,

kalian tempat mendamba pertolongan
jasa kalian sentiasa mengalir sepanjang zaman.

MSCM/UPM/2003

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti sebagai
memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**WACANA WAWANCARA FORMAL BAHASA MELAYU: SATU
KAJIAN ETNOGRAFI KOMUNIKASI**

OLEH

MD. SABRI BIN CHE MAN

Mei 2004

Pengerusi : Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini memberikan tumpuan pada analisis wacana wawancara formal bahasa Melayu dengan mengaplikasikan teori etnografi komunikasi. Sesuatu unit komunikasi dapat dijelaskan dari sudut konteks dengan bantuan sistem penggolongan grid "*speaking*" yang membahagikan sesuatu ujaran kepada komponen-komponen tertentu.

Dalam kajian ini sepuluh teks wawancara formal telah dipilih melibatkan sepuluh tokoh tempatan dalam pelbagai bidang seperti politik, akademik, ketenteraan, pentadbiran, psikiatri, menteri dan menteri besar. Setiap teks wawancara dianalisis dengan aplikasi model grid "*speaking*" yang dipelopori



oleh Hymes (1972) dan diaplikasikan oleh tokoh-tokoh bahasa lain selepas beliau seperti Saville-Troike (1989), Fasold (1990), Schiffrin (1994) dan yang akhir sekali Asmah (1997). Kajian mendapati komponen-komponen grid "speaking" yang terdiri daripada latar (S), peserta (P), tujuan (E), urutan lakuan (A), ragam (K), alat atau saluran (I), norma-norma interaksi dan penafsiran (N) mempunyai kesan ke atas penggunaan bahasa yang digunakan oleh peserta-peserta yang terlibat dalam peristiwa bahasa wawancara.

Dapatan kajian menunjukkan teori etnografi komunikasi mampu membina satu sistem keteraturan dalam pertuturan dengan mengkombinasikan sistem linguistik dan sosiolinguistik. Dalam hal ini, etnografi komunikasi telah berjaya memperjelaskan fungsi dan hakikat bahasa sebagai sebahagian daripada falsafah dan pemikiran bahasa.

Dalam kajian ini juga didapati ciri-ciri penutur atau peserta yang mengambil bahagian dalam setiap wawancara dan ciri-ciri konteksnya memainkan peranan penting dalam penganalisisan setiap ujaran. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati cara-cara ujaran dapat ditakrifkan untuk menepati konteks sosial yang saling berinteraksi dalam komunikasi, menjangkau pengetahuan tentang rumus-rumus penggunaan bahasa dan menekankan aspek makna dan fungsi bahasa dalam penggunaan menurut situasi dan konteks.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**FORMAL INTERVIEW MALAY DISCOURSE: AN ETHNOGRAPHIC
STUDY OF COMMUNICATION**

By

MD. SABRI BIN CHE MAN

May 2004

Chairman : Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.

Faculty : Modern Language and Communication

This study focused on the discourse analysis of the formal interview that applies the ethnography of communication theory. Each unit of communication can be identified by the grouping system of “*speaking*” grid which classified the utterance into various components. In this study, ten different formal interview texts obtained from famous figures in varied field like political, academic, military, administration, psychiatrist, minister and chief minister. Each interview text was analysed by applying the “*speaking*” grid model pioneered by Hymes (1972). This model had managed to draw a wide interest among the language scholars whom from the time to time conducted further research to idealised the theory. Among them were



Saville-Troike (1989), Fasold (1990), Schiffrin (1994) and Asmah (1997). The result of the study that the "*speaking*" grid components which are made up of scene (S), participant (P), end (E), act sequence (A), style (K), instrument or channel (I), norms and interaction and interpretation (N) and genre (G) have a great impact on the language use by the participants involved in the interview.

Research outcome indicated that the ethnography of communication was able to build a sequence of communication by combining linguistic and sociolinguistic systems. Hence, the ethnography of communication has succeeded to explain the function of language itself, in mere fact is a part of the language philosophy and thought.

This study also proved that characteristics of participants in every interview as well as the contextual features played a major role in the analysis of utterances. Thus, the study showed that the patterns of utterance were found to have a definite link to the social contexts whose nature is always interactive in communication, far stretching beyond the knowledge of language usage conclusion and cross examining the language function as well as the underlying aspects of meaning conveyed in vast situations and contexts.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah (s.w.t) kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya telah berjaya menyempurnakan tesis yang bertajuk, "Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi".

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah membuat saya terhutang budi dalam menyempurnakan tesis ini, terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif sebagai pengerusi jawatankuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr. Mohd. Faiz Abdullah, dan Dr. Samsina bt. Abd. Rahman selaku ahli jawatankuasa penyeliaan. Pengorbanan mereka memberi sumbangan tunjuk ajar dan nasihat yang sangat berguna untuk menyiapkan tesis ini disanjung tinggi. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak mencurahkan ilmu sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pustakawan-pustakawan di Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya dan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka atas khidmat yang diberi dalam menyiapkan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberikan cuti belajar dengan biasiswa kepada saya sepanjang tempoh pengajian di Universiti Putra Malaysia.

Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung memberi sokongan dan kerjasama dalam menyempurnakan tesis ini. Sumbangan dan sokongan anda semua menyuntik semangat dan memperkasakan komitmen, sentiasa terukir di dalam minda sehingga ke akhir hayat.

Md. Sabri b. Che Man

Tarikh

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Md. Sabri bin Che Man telah mengadakan pemeriksaan akhir pada 7hb Mei 2004 untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk "Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut:

Noor Aina Dani, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Media Sandra Kasih, Ph.D.


Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Washima Che Dan, Ph.D.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hashim Musa, Ph.D.

Profesor
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)



MAD NASIR SHAMSUDIN, Ph.D.

Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: - 3 AUG 2004

Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood Musanif, Ph.D.


Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd. Faiz bin Abdullah, Ph.D.

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Samsina Abd. Rahman, Ph.D.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)




AINI IDERIS, Ph.D.
Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : **16 AUG 2004**



PERAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberi penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengakui tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah- ijazah lain di Universiti Putra Malaysia ataupun institusi pengajian yang lain.


MD. SABRI BIN CHE MAN
Tarikh : 02 AUGUST 2004

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	i	
ABSTRAK	ii	
ABSTRACT	iv	
PENGHARGAAN	vi	
PENGESAHAN	vii	
PERAKUAN	x	
SENARAI RAJAH	xiv	
SENARAI SINGKATAN	xv	
BAB		
I	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	13
1.3	Kepentingan Kajian	19
1.4	Objektif Kajian	24
1.5	Batasan Kajian	25
1.6	Definisi Konsep	26
1.6.1	Wawancara	26
1.6.2	Etnografi Komunikasi	27
1.7	Konsep-konsep Asas Dalam Etnografi Komunikasi	29
1.7.1	Komunikasi	30
1.7.2	Komuniti Bahasa	33
1.7.3	Situasi Bahasa	36
1.7.4	Peristiwa Bahasa	37
1.7.5	Lakuan Bahasa	38
1.8	Kesimpulan	40
II	SOROTAN LITERATUR	42
2.1	Pengenalan	42
2.2	Kajian-kajian Lalu Yang Berkaitan	43
2.2.1	Kajian Tentang Etnografi Komunikasi Suatu Pendekatan (1989)	43



2.2.2	Kajian Etnografi Komunikasi Oleh Fasold (1990)	47
2.2.3	Pendekatan Wacana Oleh Schiffirin (1994)	49
2.2.4	Kajian Etnografi Komunikasi Oleh Ravichanran Moorty (1996)	53
2.2.5	Kajian Etnografi Komunikasi Oleh Raja Masittah (1996)	55
2.2.6	Kajian Tentang Peristiwa Bahasa Oleh Asmah (1997)	59
2.2.7	Kajian Etnografi Oleh Jamiah Abd. Manaf (1998)	66
2.2.8	Kajian Etnografi Oleh Ong Lok Tin (1998)	67
2.3	Kesimpulan	71
III	METODOLOGI	72
3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	72
3.2.1	Konsep dan Kerangka Teori	73
3.2.2	Latar	74
3.2.3	Peserta	76
3.2.4	Tujuan	78
3.2.5	Urutan Lakuan	80
3.2.6	Ragam Bahasa	83
3.2.7	Alat	84
3.2.8	Norma-Norma Interaksi dan Penafsiran	85
3.2.9	Genre	87
3.3	Pendekatan Kajian	88
3.4	Kaedah Kajian	88
3.4.1	Analisis Kandungan Teks	88
3.5	Kerangka Konsepsi	91
3.6	Kesimpulan	92
IV	ANALISIS DATA	93
4.1	Pengenalan	93
4.2	Wawancara Sebagai Peristiwa Bahasa	94
4.2.1	Peserta	95
4.2.2	Latar	95
4.2.3	Saluran Komunikasi	95
4.2.4	Kandungan	96
4.2.5	Peraturan Interaksi	96
4.2.6	Struktur Peristiwa Bahasa	96
4.2.7	Peraturan Sosial	97
4.3	Analisis Wacana Wawancara Formal Berdasarkan Teori Etnografi Komunikasi	98
4.4	Kesimpulan	388

V	RUMUSAN DAN CADANGAN	389
5.1	Rumusan	389
5.2	Cadangan	400
5.3	Penutup	404
	BIBLIOGRAFI	405
	BIODATA PENULIS	412



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 : Pertalian Antara Pendekatan Dengan Kaedah Dan Teknik	16
2 : Perkaitan Antara Kod Dengan Saluran	82
3 : Kerangka Konsepsi	91
4 : Peristiwa Bahasa (Wawancara dan Temuduga)	94

SENARAI SINGKATAN

TEK	–	Teori Etnografi Komunikasi
MAS	–	Malaysian Airlines System
NGO	–	Non Government Organisation
DBP	–	Dewan Bahasa dan Pustaka
UKM	–	Universiti Kebangsaan Malaysia
IPT	–	Institusi Pendidikan Tinggi
ATM	–	Angkatan Tentera Malaysia
TLDM	–	Tentera Laut DiRaja Malaysia
LTH	–	Lembaga Tabung Haji
BSKL	–	Bursa Saham Kuala Lumpur
KTM	–	Keretapi Tanah Melayu
KSU	–	Ketua Setiausaha
EAEC	–	East Asia Economic Caucus
CD	–	Compaq Disc
VCD	–	Video Compaq Disc
UMNO	–	United Malaysian National Organisation
PBT	–	Pihak Berkuasa Tempatan
MB	–	Menteri Besar
PM	–	Perdana Menteri
TPM	–	Timbalan Perdana Menteri

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Analisis wacana merupakan kajian tentang pelbagai jenis penggunaan bahasa. Penekanan kepada aspek penggunaan bahasa tidak semata-mata kepada aspek nahuannya memang penting dalam kajian bahasa. Analisis wacana tidak merujuk pada kajian sintaksis dari sudut struktur nahunya, malah ia harus dilihat dari sudut konteks. Kajian terhadap analisis wacana berkembang pesat sejak 1950-an dengan pelbagai pendekatan. Pendekatan-pendekatan ini merujuk kepada kajian bahasa yang melebihi batas ayat dan dapat memperlihatkan kesatuan dan hubungan antara butir-butir fikiran dan juga perkembangan akaliah yang ada di dalamnya (Asmah, 1980:11).

Pendekatan analisis wacana mula berkembang di Great Britain dengan tumpuan kajian tentang hubungan bahasa dengan masyarakat. Kemunculan teori makna dalam konteks merupakan era baru dalam kajian bahasa yang mana memperlihatkan sesuatu ujaran itu memperoleh maknanya bukan dari hubungan akaliah di antara idea-idea yang diwujudkan oleh ujaran, tetapi daripada hubungannya dengan konteks yang melatarinya. Dengan itu huraian sesuatu struktur bahasa memberikan perhatian kepada hubungan bahasa dalam konteks; jika tiada huraian itu tidak lengkap seperti yang dinyatakan oleh Ab. Razak:

“Konteks diperlukan untuk pengkaji memahami teks dengan sebaiknya... Konteks amat penting untuk menentukan sesuatu makna ujaran dan apabila konteks berubah, makna juga turut berubah. Oleh yang demikian, dalam analisis wacana data yang akan dianalisis sebagai teks sebenarnya berada dalam konteks... Sesebuah wacana harus merupakan interaksi antara konteks” (1998:2-9).

Di Amerika Syarikat pendekatan analisis wacana dipelopori oleh Zellig S. Harris (1952). Walaupun begitu, disiplin ini terpendam begitu sahaja akibat daripada timbulnya Aliran Linguistik Struktural dan Aliran Transformasi Generatif yang memerikan bahasa dari sudut kenahuannya. Pengkajian makna juga terbatas kepada pengkajian makna dalam ayat sedangkan makna dalam konteks lebih besar daripada itu. Dalam pada itu, Aliran Transformasi Generatif seolah-olah beranggapan palsu bahawa bahasa adalah seragam dalam strukturnya dan struktur yang seragam ini terdapat dalam kecekapan berbahasa yang dikatakan ada pada semua penutur asli bahasa yang berkenaan. Dengan itu, linguistik pada dasarnya dianggap bukan ilmu untuk menghuraikan sesuatu peristiwa bahasa tertentu tetapi adalah untuk mengkaji tatabahasa kerana makna yang terkandung dalam lakuan bahasa atau teks itu dapat ditonjolkan hanya dengan cara melihat teks itu melalui kajian dalam konteks penggunaannya (Asmah, 1980:11).

Pendekatan analisis wacana telah berubah apabila ahli-ahli bahasa menyedari hubungan bahasa dan masyarakat serta wujud kesedaran di kalangan ahli-ahli bahasa bahawa penyelidikan bahasa tanpa

menghubungkannya dengan masyarakat akan mengetepikan banyak aspek penting dan menarik seperti perubahan bahasa yang selaras dengan perubahan dan perkembangan masyarakat, kedinamisan bahasa, fungsi bahasa dalam masyarakat dan sebagainya. Selaras dengan perkembangan ini, kajian bahasa dari sudut sosiolinguistik mula mendapat perhatian di kalangan ahli-ahli bahasa di Amerika.

Dalam dekad 1970-an pemerian bahasa dari sudut sosiolinguistik semakin mendapat perhatian. Kajian-kajian dalam disiplin ini meliputi pelbagai bidang seperti dialek, dwibahasa, kepelbagaian bahasa, komuniti bahasa, pendekatan, bahasa pijin dan kreol. Hasil usaha dan kerja keras ahli-ahli bahasa seperti Hymes, Gumperz, Fishman, Labov, Liberson dan yang lain-lainnya, bidang ini dapat dianggap sebagai bidang yang dapat berdiri sebagai disiplin ilmu yang tersendiri sebagaimana disiplin-disiplin ilmu yang lain. Dengan kata lain, perkara-perkara yang menjadi pokok perbincangan dalam disiplin ini merupakan struktur dan penggunaan bahasa dari sudut sosial. Penghuraian bahasa dari sudut struktur dan penggunaan akan menghasilkan pemerian yang luas terutamanya dari sudut konteks dan bahasa yang bersifat arbitrari.

Dalam pada itu, kita dapat melihat bahawa pemerian bahasa yang sebenar bukan hanya memusatkan perhatian kepada aspek-aspek fonologi dan kenahumannya semata-mata, tetapi pemerian bahasa adalah perlu kepada penerokaan unit yang lebih besar dengan lebih jauh. Hanya dengan memperincikan sistem dan fungsi bahasa secara serentak sahajalah dapat

menerangkan bentuk dan struktur yang terdapat dalam bahasa. Dengan itu tatabahasa tidaklah lain daripada sistem pilihan yang sedia ada bagi wujudnya sesuatu lakuan bahasa dan penutur atau penulis membuat pilihannya dalam konteks situasi bahasa. Pilihannya boleh merupakan pernyataan, suruhan, pertanyaan atau permintaan (Asmah, 1980:11). Ini dijelaskan oleh Ahmad Mahmood (2000:7) bahawa maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam menentukan maksud sebenar sesuatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik adalah bahasa yang digunakan di kalangan penutur dan pendengar dalam komunikasi seharian. Ab. Razak (1998:9-10) juga menegaskan bahawa teks dan konteks saling berhubungan antara satu sama lain dan kedua-duanya saling melengkapi.

Kajian etnografi komunikasi wujud apabila terdapat pengkaji-pengkaji sama ada ahli-ahli antropologi yang menggunakan kaedah linguistik dalam penyelidikan mereka atau ahli linguistik yang menerapkan kaedah antropologi dalam kajian bahasa. Isu perkembangan sejarah etnografi komunikasi terutamanya penggunaan kaedah linguistik oleh ahli-ahli antropologi dibincangkan dengan lebih mendalam oleh sarjana seperti Hymes (1983), terutamanya mengenai perkara asas yang menjadi tumpuan pengkaji dalam etnografi komunikasi dahulu dan sekarang ini, berdasarkan perbincangan yang telah dibuat oleh Hymes (1983).

Perbincangan mutakhir dan penyelidikan bahasa yang menggunakan kaedah antropologi ini ialah pengenalan terhadap kajian yang berorientasikan

kognitif dan faktor interaksi dalam bidang sosiologi yang dilakukan oleh Goffman (1974) dan Cicourel (1974). Kajian interaksi dan kognitif ini berfokuskan kepada proses, yakni hubungan antara hasil makna dan sebagainya dalam interaksi antara anggota-anggota sesebuah komuniti. Perkembangan analisis wacana dalam interaksi sosial sebagaimana yang disebutkan memerlukan penerokaan baru tentang perkembangan sosiolinguistik. Ini adalah disebabkan pemerian bahasa melalui kaedah linguistik yang digunakan dalam antropologi masih terdapat kekurangan dari sudut penghuraian penggunaan bahasa dan konteks. Perbincangan tentang hubungan antara bahasa dan antropologi biasanya tertumpu kepada persoalan tentang kajian-kajian yang dilakukan oleh kedua-dua disiplin sama ada bahasa atau antropologi. Analisis sosiolinguistik tentang interaksi sosial dalam konteks pertuturan telah dilakukan oleh Ab. Razak (1998) dalam "Warkah-Warkah Melayu Lama Sebagai Suatu Genre". Analisis bahasa dari sudut sosiolinguistik sangat menarik dan penting telah semakin popular dalam mengkaji pertuturan dan penulisan (Jan Blommaerts, 2001:4).

Pendekatan etnografi komunikasi atau pertuturan merupakan satu pendekatan analisis wacana yang bukan sahaja mengkaji bahasa dari aspek linguistik malah nilai-nilai sosial, budaya dan pemikiran masyarakat penutur. Pendekatan ini bertujuan untuk memberikan huraian yang lebih mendalam tentang analisis wacana. Pendekatan ini bukan hanya melihat sesuatu teks dari sudut permukaan atau nahan semata-mata bahkan mampu mendapatkan makna di samping penjelasan mengapa makna itu yang digunakan. Persoalannya, bagaimanakah kita hendak melihat pendekatan yang digunakan

itu dapat menelusuri bahasa, jiwa dan minda pengguna bahasa jika sesuatu teks itu hanya dikaji dari sudut "kenahumannya" atau "permukaan"? Bahasa yang digunakan mempunyai banyak fungsi termasuklah membantu kita memahami pengguna masyarakat dan mencerminkan minda masyarakat (Nor Hashimah, 2000:6)

Etnografi komunikasi ini telah mula diperkembangkan oleh Hymes melalui satu siri kertas kerja yang diterbitkan pada tahun 1960-an dan 1970-an. Kebanyakan kertas kerja ini telah dikumpulkan dalam bukunya *Foundation in Sociolinguistic: An Ethnographic Approach* pada tahun 1974. Etnografi komunikasi adalah suatu bidang yang mengkaji bahasa dalam masyarakat (Trudgill 1991:3, Kristen Fitch, 2000:1 dan Hilary Chappell, 2000:2). Ia mempunyai pendekatan tertentu. Kepentingan etnografi komunikasi bukan hanya untuk bidang penyelidikan tetapi juga untuk kajian linguistik dan antropologi (Hymes, 1971:47).

Walaupun telah ada sarjana yang mengkaji bidang etnografi ini sebelum Dell Hymes, khususnya antropologis Britain dan Amerika, seperti Franz Boas, Whorf, Trager, Kuickhohn, Powell dan Alfred Kroeber yang memulakan tradisi etnografi Amerika dan tradisi Britain yang dipelopori oleh A.R Radcliffe-Brown Broniglaw Molinowski namun hanya selepas penulisan oleh Hymes pendekatan etnografi komunikasi ini mendapat perhatian para sarjana secara bersungguh-sungguh. Sarjana-sarjana lain yang turut memberi sumbangan

dalam bidang ini ialah seperti Darnell, Regna, Joel Shezer, Gumperz, Ervin Trippe, Slobin, Blount Ben G dan lain-lain lagi (Saville-Troike, 1982:2).

Dell Hymes (1977) telah mencadangkan satu disiplin baru tentang kajian bahasa yang memberikan tumpuan kepada keadaan pola perlakuan komunikasi sebagai salah satu daripada sistem kebudayaan. Kajian ini termasuk mengkaji peranan komunikasi dalam konteks keseluruhan kebudayaan serta hubungannya dengan pola-pola dalam sistem yang berkaitan dengan kajian bahasa. Tumpuan kajian ethnografi komunikasi adalah terhadap komuniti bahasa iaitu tentang komunikasi sesuatu bangsa melalui komuniti bahasa yang disusun sebagai satu sistem dalam komunikasi. Ia melibatkan analisis data deskriptif tentang makna sosial yang disampaikan.

Ahli-ahli linguistik lebih banyak memberikan perhatian kepada kegramatisan struktur ayat penutur sesuatu bahasa manakala ahli antropologi pula melakukan kajian ethnografi terhadap aspek budaya yang unik dan berlainan dan bahasa hanya dianggap sebagai satu wacana untuk mengkaji topik ini. Oleh itu, Hymes menjelaskan bahawa komunikasi ini akan memenuhi ruang kosong dalam kedua-dua bidang ini. Dalam bidang antropologi, ethnografi komunikasi perlu dikaji bersama dengan komponen linguistik yang lain seperti sintaksis, morfologi, fonologi dan semantik.

Hymes (1972:34) juga berpendapat ethnografi komunikasi dapat memberikan gambaran sebenar untuk mengkaji komuniti bahasa kerana